

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Pusat Pengajian Sains Kuantitatif (SQS)
Sent: Monday, November 5, 2018 3:43 PM
To: UUM - All Staff
Cc: Prof. Dr. Sharipah Soaad Bt Syed Yahaya; Dr. Nerda Zura Binti Zaibidi; Dr. Wan Laailatul Hanim Binti Mat Desa; Zulkafri @ Zanariah Bt Yaakob
Subject: SQS ONLINE: FAMILY DAY SQS JALIN KEMESRAAN ANTARA STAF



**Pusat Pengajian
Sains Kuantitatif**
SCHOOL OF QUANTITATIVE SCIENCES
Universiti Utara Malaysia

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

5 NOVEMBER 2018 | 26 SAFAR 1440H

Oleh: Dr. Norhayati Yusof & Dr. Nor Intan Saniah Sulaiman
Gambar oleh: Dr. Norhayati Yusof

FAMILY DAY SQS JALIN KEMESRAAN ANTARA STAF



SQS ONLINE: Merbok, 20 Oktober: Hampir 200 orang staf bersama ahli keluarga masing-masing telah menghadirkan diri bagi menjayakan 'Family Day SQS' anjuran Kelab Kebajikan Staf Pusat Pengajian Sains Kuantitatif yang bertempat di Damai Park Resort, Merbok. Program dimulai dengan ucapan aluan oleh Dekan, YBrs. Prof. Dr. Sharipah Soaad Syed Yahaya. Beliau melahirkan rasa gembira dengan kehadiran dan sokongan yang diberi dalam menjayakan program tersebut. Beliau juga berharap dengan adanya program santai seperti ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim antara staf dan secara tidak langsung dapat meredakan tekanan di tempat kerja.

Kemudian, hadirin diajak melakukan senamrobik yang diketuai oleh Puan Rosmawati Che Din, isteri kepada Prof. Madya Dr. Azizan Saaban. Sebelum menyertai acara sukaneka yang dikendalikan oleh pihak resort, hadirin terlebih

dahulu dibahagikan mengikut empat kumpulan warna iaitu Merah, Biru, Kuning dan Hijau, masing-masing diketuai oleh Ts. Dr. Jafri Hj. Zulkepli Hew, Dr. Ruzelan Khalid, Prof. Madya Dr. Mohd. Kamal Mohd. Nawawi dan En. Nor Hisham Haron. Antara acara sukaneka yang diaturkan termasuklah *musical chair* bagi semua kategori (kanak-kanak dan dewasa), *bowling* padang, lari berpasangan, musang berjanggut dan juga isi air dalam belon.



Selepas makan tengahari, Dekan menyampaikan hadiah kepada pemenang kategori kanak-kanak dan kumpulan yang bertanding. Johan keseluruhan acara sukaneka dimenangi oleh kumpulan Hijau, manakala naib johan disandang oleh kumpulan Biru. Kumpulan Kuning dan Merah masing-masing membawa pulang hadiah tempat ketiga dan keempat. Sebelum pulang, hadirin mengambil peluang untuk bermandi-manda di sungai berhampiran bersama keluarga masing-masing.

Sekian.

Pusat Pengajian Sains Kuantitatif | (School of Quantitative Sciences) |
College of Arts and Sciences | Universiti Utara Malaysia |
06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia |
Tel : +6049286301 | Fax : +6049286309 |
E-mail : sqs@uum.edu.my
Website : <http://www.sqs.uum.edu.my>
Facebook : <https://www.facebook.com/SQSUUM>



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.